

Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2005



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of the Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Blok E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel : 03-88846077
Fax : 03-88894548
Laman web:
<http://www.moe.gov.my>

KP(BS-
DSR)8787/008/2/(18)
30November 2005

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 7/2005 :

Pindaan Syarat Kelayakan Meminjam Buku Teks Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) Kementerian Pelajaran Malaysia

Pihak Kerajaan Malaysia telah memutuskan bahawa semua murid yang ibu bapa atau penjaganya yang sah, yang terdiri dari Pegawai Perkhidmatan Pendidikan adalah layak menerima bantuan pinjaman buku teks di bawah Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), Kementerian Pelajaran Malaysia. Dengan pindaan ini, syarat kelayakan pinjaman buku teks di semua sekolah Kerajaan, sekolah bantuan Kerajaan dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) adalah seperti berikut :

Murid-murid yang ibu bapa atau penjaga yang sah atau salah seorang daripada mereka yang sedang berkhidmat atau telah bersara daripada jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan adalah layak untuk menerima bantuan pinjaman buku teks di bawah Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) Kementerian Pelajaran Malaysia.

2. Walau bagaimanapun, syarat kelayakan meminjam buku teks di bawah Skim Pinjaman Buku Teks, Kementerian Pelajaran Malaysia bagi murid-murid lain di semua sekolah Kerajaan, sekolah bantuan Kerajaan dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) adalah kekal seperti yang terkandung dalam surat-surat pekeling ikhtisas yang tersebut di bawah :
 - (i) Surat Pekeling Ikhtisas Bil. 4/1999, Pindaan Syarat Kelayakan Meminjam Buku Teks Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) Kementerian Pendidikan bertarikh 9 Mac 1999.
 - (ii) Surat Pekeling Ikhtisas Bil. 4/2001, Pindaan Syarat Kelayakan Meminjam Buku Teks Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) Kementerian Pendidikan bertarikh 24 Mei 2001.
 - (iii) Surat Pekeling Ikhtisas Bil. 11/2001, Pindaan Syarat Kelayakan Meminjam Buku Teks Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) Kementerian Pendidikan bertarikh 26 September 2001.

(iv) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/2003, Pindaan Pelaksanaan Borang Penentuan Kelayakan Skim Pinjaman Buku Teks SPBT1 Kementerian Pendidikan bertarikh 28 Julai 2003.

3. Surat Pekeliling Ikhtisas ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Januari 2006**.
4. Bersama-sama ini dilampirkan Borang Pengesahan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Borang SPBT2) yang perlu dilengkapkan dan disertakan bersama-sama dengan Borang Penentuan Kelayakan Murid Skim Pinjaman Buku Teks (Borang SPBT1).
4. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Gabungan/Daerah serta semua pengetua dan guru besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan.

Sekian, Terima Kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



DATO' Dr. HAJI AHAMAD BIN SIPON
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

- s.k.
1. Y.B Tan Sri Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein
Menteri Pelajaran Malaysia
 2. Y.B Dato' Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
 3. Y.B Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
 4. Y.B Puan Komala Devi
Setiausaha Parlimen Kementerian
 5. Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran
 6. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran
 7. Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
 8. Ketua-ketua Bahagian Kementerian Pelajaran
 9. Ketua Jemaah Nazir Sekolah Kementerian Pelajaran
 10. Penasihat undang-Undang Kementerian Pelajaran
 11. Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Pelajaran